

25/11/2000

Kenderaan alaf baru

Badrila Jamlus

PAMERAN Motor Antarabangsa Kuala Lumpur 2000 (KLIMS 2000), pameran automotif yang diiktiraf sebagai terbesar di rantau Asia Tenggara akan menjadi tumpuan orang ramai dan peminat kereta seluruh negara apabila dibuka kepada umum mulai hari ini.

Bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), pameran kali ke-4 itu akan berlangsung selama 10 hari.

KLIMS 2000 yang bertemakan Kenderaan Pada Alaf Baru, bakal menjanjikan kepuasan kepada peminat kereta kerana menonjolkan lebih 100 model kereta terbaru, motosikal, kereta konsep dan kenderaan khas selain aksesori berkaitan kereta.

Selain itu, pengunjung turut berpeluang menyertai beberapa pertandingan yang menawarkan hadiah menarik antaranya, peraduan mengira bilangan kereta, pertunjukan silap mata, tarian dan sesi bersama personaliti terkenal.

Persatuan Automotif Malaysia (MAA) selaku penganjur KLIMS mensasarkan pengunjung seramai 500,000 orang berbanding 380,000 orang pada KLIMS 1994. Ini kerana semua ruang pameran yang membabitkan enam dewan seluas 20,000 meter persegi di PWTC digunakan sepenuhnya.

Pameran yang akan dibuka kepada orang ramai mulai jam 11 pagi hingga 10 malam itu mengenakan bayaran masuk RM15 (dewasa) manakala RM5 untuk kanak-kanak.

Presiden MAA, Aishah Ahmad, berkata antara kenderaan menarik yang akan dipamerkan ialah kereta konsep, Nissan Trailrunner yang satu-satunya kereta pacuan empat roda khas dan Nissan Stylish 6 iaitu kenderaan yang menggabungkan penggunaan kedua-dua enjin petrol suntikan terus dan enjin elektrik, menjadikannya kenderaan sesuai untuk alam sekitar.

Selain itu, pengunjung turut berpeluang melihat kereta lagenda Amerika iaitu model terkini Ford Mustang, model Alfa Romeo Spider, Audi TT Roadster, Lotus 340R, Mercedes Benz S55 AMG, Volvo S80 T-6, Land Rover Discovery, Fiat Multipla dan Mazda Premacy.

Aishah berkata, semua bahan pameran di KLIMS 2000 itu dibawa masuk dari lapan negara dan ditaksirkan bernilai lebih RM50 juta.

Difahamkan, Ford membelanjakan kira-kira RM3.8 juta untuk membina dan menghias ruang pamerannya yang juga antara ruang pameran terbesar di PWTC.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan keluarga dijangka berkunjung ke pameran itu pada petang esok.

Pada pameran itu, beberapa syarikat pengeluar kereta terkemuka turut membuat kejutan dengan melancarkan model terbaru seperti Citroen C5 yang buat pertama kalinya dilancarkan di luar Perancis manakala Mercedes Benz akan mempamerkan model limo paling besar pernah dihasilkan.

Tidak ketinggalan penyertaan syarikat automotif tempatan yang turut mempamerkan model masing-masing seperti Proton, Perodua, Hicom Perkasa, Lotus, TD Car, Permas dan Modenas.

Proton akan mempamerkan model terbarunya, Waja dan Perodua dijangka melancarkan model Kenari yang dipertingkatkan serta sebuah model kereta keluarga terbaru berkuasa 1,000 cc yang masih belum diberi nama khusus.

Bagaimanapun, orang ramai berpeluang berkunjung ke gerai pameran aksesori dan peralatan kereta secara percuma serta melihat model terbaru sistem audio kereta antaranya siri Rockford RFQ 5000 dan speaker terbaru yang digunakan Micheal Jackson dalam keretanya.

Orang ramai digalakkan menggunakan kemudahan pengangkutan awam untuk ke

PWTC seperti LRT, bas atau berkongsi kereta disebabkan tempat letak kereta terhad.

Sementara itu, penganjur turut menyediakan perkhidmatan bas shuttle percuma yang bertolak setiap 15 minit dari Stadium Merdeka ke PWTC pada Jumaat, Sabtu dan Ahad dari jam 11 pagi hingga 8 malam.

(END)